

## **Pengenalan**

Latihan Mengajar dan Intership merupakan latihan penting yang memberikan peluang kepada pelatih untuk mendapat pengalaman mengajar dan /atau intership kaunseling dalam kegiatan berkaitan dengan latihan keguruan.

Latihan praktik ini dijalankan di sekolah menengah. Dalam situasi sekolah juga pelatih kaunseling berpeluang memupuk kecekapan memberi khidmat kaunseling.

## **Pelaksanaan**

Latihan mengajar dan intership (LMI) bagi pelatih yang perlu mengikut pengajaran major dan tumpuan kedua selama dua belas minggu manakala bagi pelatih bimbingan dan kaunseling selama 14 minggu. Sebarang perubahan penetapan tempoh LMI akan dimaklumkan oleh Jawatankuasa LMI. Pelatih yang tidak dapat mengikut program LMI pada masa yang ditetapkan dengan sepenuhnya hendaklah menjalani LMI pada tahun berikutnya.